



JABATAN PERKHIDMATAN AWAM

KENYATAAN MEDIA

PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN KERAJAAN TETAP BERJALAN LANCAR

Senario politik terkini telah memberikan pelbagai persepsi kepada keseluruhan sistem pentadbiran kerajaan. Sebagai sebahagian daripada proses demokrasi, perubahan landskap politik semasa tidak sewajarnya mempengaruhi perjalanan penyampaian sistem perkhidmatan awam. Perkhidmatan awam merupakan jentera dalam sistem pentadbiran negara. Ianya ditadbir urus bagi membolehkan dasar dan program negara berjalan dengan lancar.

Semua penjawat awam adalah diingatkan supaya tidak terlibat dengan polemik politik semasa. Kita perlulah sentiasa berpegang kepada prinsip neutral dan tidak berpolitik. Kesetiaan penjawat awam adalah kepada Raja, Negara dan Kerajaan. Tidak kira sama ada bertugas di mana jua peringkat dan kedudukan, penjawat awam mesti memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat dan negara.

Ketua-ketua Jabatan telah diarahkan untuk melaksanakan tugas selari dengan dasar semasa yang telah ditetapkan. Sehubungan itu, semua warga perkhidmatan awam di bawah Kementerian dan Jabatan masing-masing perlu melaksanakan tanggungjawab dan bekerja bagi memastikan segala pengurusan dan pentadbiran kerajaan berjalan lancar seperti biasa. Semua perancangan di bawah dasar sedia ada seperti pelaksanaan projek pembangunan, perancangan program menangani pandemik Covid-19 dan program vaksinasi serta program pemulihan negara dapat dilaksanakan dengan lancar seperti yang telah ditetapkan.

Berdasarkan situasi semasa, tatkala negara dalam usaha mencari kesepakatan politik, sebagai tunjang kepada struktur pentadbiran negara, penjawat awam akan

memastikan keutuhan dan kelancaran sistem penyampaian perkhidmatan kerajaan diteruskan dengan baik dan berkesan selari dengan ikrar “Berkhidmat Untuk Negara”. Dalam keadaan negara dan rakyat terkesan dengan keadaan ekonomi dan kehidupan, penjawat awam mestilah tampil ke hadapan untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik bagi meringankan beban negara dan rakyat.

Kita yakin semua anggota perkhidmatan awam mampu untuk melaksanakan tanggungjawab masing-masing dengan baik. Moga Allah SWT dapat memudahkan segala urusan kita dengan sempurna dan memberikan kesejahteraan kepada rakyat dan negara.

Tan Sri Mohd Khairul Adib Abd Rahman
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
16 Ogos 2021

#####

Jabatan Perkhidmatan Awam

Tarikh : 16 Ogos 2021
Tel : 03 - 8885 3096 / 3146 / 3088
E-mel : komunikasi@jpa.gov.my
No. Ruj. : JPA.100-9/1/2 Jld. 2 (2)